

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1991/1992

Jun 1992

JHL 352 - Kajian Teks Melayu Klasik

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab EMPAT soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

... 2/-

92 - Kajian Teks Melayu Klasik

- 2 -

[JHL 352]

(1)

1. Salah satu aspek yang amat menarik dalam teks Sejarah Melayu ialah teknik penyampaiannya. Huraikan pendapat ini dengan jelas.

(25 markah)

2. Apakah di antara kejahanan-kejahanan yang dilakukan oleh Sultan Ahmad Pramudal Perumal yang diceritakan dalam Hikayat Raja-Raja Pasai? Sejauh manakah kejahanan-kejahanan yang dilakukan itu menyebabkan kejatuhan Kerajaan Pasai?

(25 markah)

(2)

3. Daripada Hikayat Merong Mahawangsa, bincangkan dengan jelas perkara-perkara berikut:

- (a) Kisah pembukaan Negeri Langkasuka. (8 markah)
(b) Sebab Burung Geruda dihalau ke Laut Kalzum. (8 markah)
(c) Nasib Raja Bersiung dalam pelarian. (9 markah)

(3)

4. Berikan dengan ringkas latar belakang pengarang Tuhfat al-Nafis dan bincangkan tentang peranan Raja Kechik Siak dalam teks tersebut.

(25 markah)

5. Huraikan tiga (3) upacara utama adat istiadat raja-raja Perak seperti yang digambarkan oleh teks Misa Melayu.

(25 markah)

6. "Salasilah Melayu dan Bugis merupakan salah sebuah karya bercorak sejarah yang mengutarkan kisah-kisah opu-opu Bugis yang meluaskan kuasanya di Tanah Melayu." (Ali Ahmad).

Bahaskan pendapat di atas.

(25 markah)

(4)

7. "Pengarang Hikayat Hang Tuah telah membina perwatakan Hang Tuah pada masa kecil dengan memberikan beberapa keistimewaan yang membayangkan ketokohan Hang Tuah sebagai hulubalang Melayu yang termasyhur dalam zaman dewasanya." Bincangkan.
(25 markah)